

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [ BUKIT  
BENDERA]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Jabatan Perdana Menteri sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited memastikan penetapan dasar berkaitan pembaharuan undang-undang yang akan dilaksanakan, dirangka berdasarkan keperluan negara dan rakyat. Dalam hal ini, kajian perundangan dan sesi libat urus yang holistik serta komprehensif dengan semua pihak berkepentingan menjadi fokus utama sebelum suatu pembaharuan undang-undang sama ada gubalan undang-undang baharu, pindaan atau pemansuhan Akta dilaksanakan.

Semenjak Mac 2020, pelbagai kajian pembaharuan undang-undang dilaksanakan Kerajaan, antaranya termasuk yang sedang diusahakan Jabatan Peguam Negara sebagaimana berikut:

- i. Kajian Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*];
- ii. Rang Undang-Undang Penghinaan Mahkamah;
- iii. Kajian bagi Kesalahan Percubaan Membunuh Diri di bawah Kanun Keseksaan;
- iv. Kajian Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya; dan
- v. Cadangan Pewujudan Pejabat Pengarah Pendakwaan di Badan Berkanun; dan
- vi. Kajian Undang-Undang Lapuk (*archaic laws*).

## NO. SOALAN : 24

Selain itu, selaras dengan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan yang telah ditandatangani pada 13 September 2021, Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti dan had tempoh jawatan Perdana Menteri tidak melebihi sepuluh (10) tahun masih dalam peringkat kajian oleh Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sentiasa mengemaskini Peraturan dan Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating Procedure*) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] semenjak 18 Mac 2021 agar mekanisme pengurusan, pengawalan dan penguatkuasaan pandemik COVID-19 berada pada tahap terbaik.

Secara umumnya, keperluan pembentangan pembaharuan undang-undang di Parlimen adalah tertakluk kepada jenis pembaharuan undang-undang yang dilaksanakan. Sebagai contoh, undang-undang subsidiari yang diperuntukkan di bawah kuasa Menteri melalui perintah yang diwartakan tidak memerlukan pembentangan di Parlimen berbanding pindaan Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan undi majoriti dua per tiga ahli Dewan. Faktor ini juga akan menentukan kesesuaian tarikh pembentangan pembaharuan undang-undang di Parlimen.

Sekian, terima kasih.